

# PdP dalam talian rangsang kemahiran IT

**Pandemik** COVID-19 menyebabkan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) di seluruh institusi pendidikan negara berubah daripada secara bersemuka kepada dalam talian.

Menurut arahan Kementerian Pendidikan, semua sekolah dan universiti diarahkan tutup sementara bagi menghentikan jangkitan COVID-19 ini.

Bukan sahaja tenaga pengajar seperti guru dan pensyarah terjejas, malah pelajar juga turut mengalami beberapa masalah ketika menghadiri pembelajaran dalam talian.

Proses pembelajaran dalam talian juga boleh menyebabkan kedua-dua belah pihak mengalami kesukaran dari segi akses internet. Tambahan pula, bukan semua pelajar berduit.


Sebahagian mereka tinggal di pedalaman yang sukar untuk mendapat akses internet dan ada juga yang tidak berkemampuan membeli peranti elektronik seperti telefon pintar mahupun komputer riba bagi menyertai pembelajaran dalam talian.

Secara tidak langsung, mereka mengalami masalah ini tidak dapat menyertai kelas dalam talian. Mereka terpaksa mencari inisiatif lain memperoleh ilmu.

Pelajar yang hanya menggunakan telefon pintar sahaja ketika menghadiri PdP dalam talian terpaksa membeli data untuk mengakses internet.

Tenaga pengajar juga menghadapi kesukaran dari segi kemahiran dalam penggunaan teknologi dan beberapa aplikasi.

Sebahagian mereka terpaksa meminta anak untuk mengajarkan cara penggunaan beberapa aplikasi seperti Zoom,



*PdP dalam talian* pupuk pemikiran pelajar secara kreatif.

(Foto hiasan)

Google Meet, Webex, Microsoft Team dan lain-lain.

Oleh kerana pembelajaran dalam talian dapat dilakukan di mana-mana sahaja dan bila-bila masa, maka tugas diberikan perlu diselesaikan mengikut jangka masa ditetapkan.

Pasti ada dalam kalangan pelajar merungut tugas diberikan amat banyak dan hampir semuanya ditetapkan dalam jangka masa terdekat.

Ini dapat diatasi jika pelajar memanfaatkan masa sedia ada untuk menyelesaikan segala tugas diberikan.

Semangat belajar perlu sentiasa ada dalam diri setiap pelajar. Mereka boleh meminta bantuan ahli keluarga, rakan mahupun guru atau pensyarah sendiri menyelesaikan tugas diberi.

Walaupun menghadapi tekanan ketika

menyelesaikan tugas, pemikiran secara kreatif, kritis dan positif dapat mendorong pelajar sentiasa mengikuti kelas dalam talian. Tanpa sedar, mereka boleh dikategorikan pemikir yang mendalam untuk menyelesaikan masalah dalam PdP.

Tujuan PdP dalam talian merangsang peningkatan kemahiran teknologi maklumat (IT) dalam kalangan pelajar dan pensyarah.

Dengan kemahiran IT yang baik, pelajar dan pensyarah bukan sahaja dapat memenuhi keperluan sukatan pelajaran mengikut silibus, malah meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam talian.

**Nurhaqirah Suhaimi,**  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia